



## KEMENTERIAN KEWANGAN

### ARAHAN PERBENDAHARAAN PINDAAN BIL. 1 TAHUN 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

#### PINDAAN KE ATAS ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 317(a)

#### TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk meminda Arahan Perbendaharaan (AP) 317(a) mengenai tempoh mengemukakan laporan akhir berkenaan kehilangan oleh Pegawai Pengawal.

#### LATAR BELAKANG

2. AP 317(a) menghendaki Pegawai Pengawal mengaturkan penyiasatan Jabatan sepenuhnya mengenai Kehilangan itu dengan melantik Pegawai Penyiasat atau Jawatankuasa Penyiasat secara bertulis dan mengemukakan laporan akhir yang lengkap dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh laporan awal dikemukakan.

3. Walau bagaimanapun, tempoh empat (4) bulan untuk mengemukakan laporan akhir adalah terlalu lama dan sebagai usaha penambahbaikan proses tersebut ianya perlu dipendekkan kepada tempoh yang munasabah.

#### PINDAAN AP 317(a)

4. Tempoh mengemukakan laporan akhir dipendekkan dari empat bulan kepada dua bulan dan AP 317(a) adalah dipinda seperti berikut:

"317. (a) *Pegawai Pengawal hendaklah mengaturkan penyiasatan Jabatan sepenuhnya mengenai Kehilangan itu dengan melantik Pegawai Penyiasat atau Jawatankuasa Penyiasat*


secara bertulis dan mengemukakan laporan akhir yang lengkap dalam tempoh **dua (2) bulan** dari tarikh laporan awal dikemukakan. Laporan akhir itu hendaklah mengandungi, jika berkenaan, salinan Laporan Polis yang lengkap dan ringkasan perbicaraan mahkamah dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri atau kedua-duanya jika keadaan memerlukan."

## TARIKH KUAT KUASA

5. Arahan Perbendaharaan ini adalah berkuatkuasa ke atas kes-kes baru dan yang masih dalam siasatan Jabatan mulai tarikh arahan ini. Manakala bagi kes-kes yang telahpun diputuskan, Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan adalah bertanggungjawab mematuhi AP 317(a) yang sedia ada.

## "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Putrajaya

| b Disember 2010

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri